



TEKS UCAPAN
YB DATO' SERI KONG CHO HA
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA
'Majlis Penembusan Terowong Berapit bagi Projek Landasan
Berkembar Elektrik Ipoh-Padang Besar'
1 November 2010

Yang Berusaha Tuan Pengerusi Majlis
Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri,
Ketua-Ketua Jabatan,
Dato'-Dato',
Tuan-tuan dan Puan-puan serta
Hadirin sekalian.

Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.
"Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan".

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan majlis penembusan terowong Bukit Berapit ini yang terlibat dengan pembinaan projek landasan berkembar antara Ipoh dan Padang Besar.

Hadirin Sekalian,

Projek Landasan Berkembar sepanjang 329 km di antara Ipoh dan Padang Besar adalah merupakan satu projek infrastruktur yang akan memberi impak besar kepada Negara dan akan menjadi pelengkap yang kritikal kepada inisiatif Pembangunan Koridor Utara (*Northern Corridor Economic Region – NCER*), khususnya dalam memperkukuhkan kedudukan *NCER* sebagai hub logistic, berpandukan kepada 3 teras strategik iaitu pertanian, pembuatan dan perkhidmatan (termasuk pelancongan). Projek ini juga akan memberi kesan limpahan ekonomi dalam bentuk peningkatan pertumbuhan bagi negeri-negeri yang terlibat, iaitu Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.

Pembangunan landasan berkembar ini merupakan kesinambungan daripada 'Landasan Berkembar Elektrik Di Antara Rawang Dan Ipoh' yang telah siap sepenuhnya pada 31 Disember 2007. Pada bulan Ogos yang lalu, perkhidmatan keretapi laju menggunakan *Elektrik Tren Set (ETS)* antara Ipoh - KL Sentral telah dilancarkan oleh Kerajaan dan telah mendapat sambutan hangat daripada orang ramai.

Berdasarkan sambutan yang begitu menggalakkan di sektor Ipoh-Kuala Lumpur, maka Kementerian percaya projek sektor Ipoh-Padang Besar ini akan dapat membantu meningkatkan lagi prestasi dan keupayaan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Di samping itu juga akan menggalakkan lebih ramai orang untuk menggunakan perkhidmatan keretapi, yang pada masa ini hanya mewakili 3% daripada

penggunaan keseluruhan pengangkutan, berbanding di negara-negara maju di mana penggunaan pengangkutan keretapi adalah kira-kira 30%.

Hadirin sekalian,

Objektif Kerajaan dalam pelaksanaan 'Projek Landasan Berkembar (PLB)' ini, adalah selaras dengan dasar 'Rancangan Malaysia ke-9' dalam menyediakan kemudahan infrastruktur kepada rakyat dan juga dalam usaha untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.

Walaupun projek ini adalah projek tajaan Kerajaan Persekutuan, kerjasama daripada Kerajaan Negeri amatlah penting dalam pelaksanaannya. Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri seperti Majlis-majlis Daerah, Pejabat-pejabat Tanah, Jabatan Kerja Raya dan lain-lain juga mempunyai peranan penting untuk memastikan penyelarasan dan pelaksanaan projek dapat berjalan dengan lancar.

Saya sedar bahawa projek ini telah mencapai kemajuan fizikal sebanyak 57% dan kerja-kerja sekarang melibatkan pembinaan stesen, jejambat dan kerja landasan. Suka saya maklumkan di sini bahawa terdapat beberapa struktur yang bersifat unik dalam pelaksanaan projek landasan berkembar ini iaitu '*Jambatan Putar Perai*', '*Land Viaduct*', '*Marine Viaduct*' dan pembinaan 2 terowong iaitu terowong '*Larut*' dan '*Berapit*'; yang mana '*Terowong Larut*' dengan panjangnya 300 meter telahpun berjaya ditembusi pada bulan Mac yang lalu.

Hadirin sekalian,

Hari ini, kita harus berbangga kerana berpeluang menyaksikan penembusan terakhir '*Terowong Berkembar Berapit*' yang akan berlaku sekejap lagi. Dengan penembusan terowong ini, ia akan menjadi satu detik bersejarah kerana terowong ini akan menjadi terowong berkembar keretapi yang terpanjang di Asia Tenggara dengan panjangnya berukuran 3.3km dan akan disiapkan mengikut jadual.

Pembinaan terowong ini telah bermula pada 4 Oktober 2009 dan menggunakan konsep *twin bore* dengan satu landasan setiap satu serta mempunyai 9 *cross passage* antara terowong kiri dan kanan bagi tujuan keselamatan. Pembinaan terowong ini telah memenuhi semua aspek keselamatan sekiranya berlaku kecemasan dan telah dilengkapi dengan infrastruktur keselamatan yang bertaraf antarabangsa. Ingin saya nyatakan di sini juga bahawa tiada sebarang kemalangan serius atau kematian dicatatkan sepanjang pembinaan terowong ini

Hadirin sekalian,

Kita sememangnya berada di landasan yang betul ke arah meningkatkan pengangkutan awam di seluruh negara. Kerajaan mempunyai rancangan untuk melaksanakan projek landasan berkembar elektrik antara Gemas dan Johor Bahru dalam masa terdekat, yang mana akan menjadi fasa terakhir atau pelengkap kepada pembinaan landasan berkembar di Pantai Barat Malaysia.

Kami, di Kementerian Pengangkutan amat komited untuk melihat rangkaian infrastruktur pengangkutan rel berintergrasi, dilaksanakan untuk memberi manfaat kepada orang awam.

Hadirin sekalian,

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada agensi-agensi Kerajaan khususnya Pihak Berkuasa Negeri, Daerah dan Tempatan, Pemimpin-Pemimpin Masyarakat Setempat dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di atas sokongan dan bantuan yang diberikan dalam pelaksanaan projek ini.

Saya juga berharap agar semua pihak yang terlibat akan terus memberi sokongan dan usaha terbaik bagi memastikan projek ini disiapkan mengikut jadual dan mencapai *outcome* yang dikehendaki bagi kepentingan rakyat dan negara.

Akhir kata, saya dengan sukacitanya menamakan terowong ini sebagai ***'TEROWONG BERKEMBAR BERAPIT'***.

Sekian, terima kasih.